



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : PRINSIP PERAKAUNAN
KOD MATA PELAJARAN : BPA 1033
KURSUS : 1 BPA
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 MUKA SURAT

S1 Berikut adalah Penyata Kewangan bagi Mulia Tradings Berhad:

Mulia Tradings Berhad
Penyata Kunci Kira-Kira Perbandingan

	31/12/05	31/12/04	Tambah(Kurang)
Aset Semasa:			
Tunai dan Tunai setara	RM21,000	RM18,700	RM2,300
ABT	46,500	43,100	3,400
Inventori	84,300	89,900	(5,600)
Aset Tetap:			
Tanah	35,100	10,000	25,100
Perkakasan, bersih	<u>100,900</u>	<u>93,700</u>	<u>7,200</u>
Jumlah Aset	<u>287,800</u>	<u>255,400</u>	<u>32,400</u>
Liabiliti Semasa			
ABB	31,100	29,800	1,300
Liabiliti Terakru	18,100	18,700	(600)
Liabiliti Jangka Panjang: NBB	55,000	65,000	(10,000)
Ekuiti Pemegang saham:			
Saham Biasa	131,100	122,300	8,800
Perolehan Tertahan	<u>52,500</u>	<u>19,600</u>	<u>32,900</u>
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti	<u>287,800</u>	<u>255,400</u>	<u>32,400</u>

Mulia Tradings Berhad
Penyata Pendapatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005

Hasil:		
Jualan		RM438,000
Faedah		<u>11,700</u>
Jumlah Hasil		449,700
Belanja:		
Kos Barang diJual	RM205,200	
Belanja Gaji	76,400	
Susutnilai	15,300	
Lain-lain belanja operasi	49,700	
Belanja Faedah	24,600	
Belanja Cukai Pendapatan	<u>16,900</u>	
Jumlah Belanja		<u>388,100</u>
Untung Bersih		<u>RM61,600</u>

(a) Sediakan penyata aliran tunai bagi tahun Berakhir 31 Disember 2005. (15 markah)

(b) Huraikan aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan perniagaan ini berdasarkan Penyata Aliran Tunai tersebut. (5 markah)

S2 (a.) Berikut adalah rangka Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-Kira bagi Syarikat IndahPermai Sdn Bhd :

Syarikat IndahPermai Sdn Bhd
Penyata Pendapatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2005

	<u>RM</u>
Jualan Bersih	6,075
Kos Barang diJual	? (a)
Belanja Jualan dan Pentadbiran	1,650
Belanja Faedah	?(b)
Lain-lain Belanja	150
Pendapatan Sebelum Cukai	1,350
Belanja Cukai	?(c)
Pendapatan Bersih	<u>?(d)</u>

Syarikat IndahPermai Sdn Bhd
Kunci Kira-Kira
Pada 31 Disember 2005

	<u>RM</u>		<u>RM</u>
Tunai	2,400	Jumlah Liabiliti Semasa	15,750
Akaun Belum Terima	?(h)	Hutang Jangka Panjang	?(e)
Inventori	650	Lain-lain Liabiliti Jangka Panjang	15,865
Belanja Prabayar Dahulu	<u>?(f)</u>		
Jumlah Aset Semasa	<u>?(g)</u>		
Aset Loji, Bersih	50,300	Ekuiti Pemegang Saham	35,875
Lain-lain Aset	<u>17,725</u>		
Jumlah Aset	67,980	Jumlah Liabiliti dan Ekuiti	79,680

Anda dikehendaki untuk menyalin semula dan melengkapkan penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat IndahPermai Sdn Bhd menggunakan data yang diberikan.

(i) Nisbah Pusing Ganti Inventori adalah 4.35 (Inventori permulaan adalah RM790; inventori

akhir adalah RM650).

- (ii) Nisbah Semasa adalah 0.74
 - (iii) Nisbah Cepat adalah 0.34
 - (iv) Kadar Pulangan atas Jualan adalah 0.09
- (Tunjukkan semua jalan kerja dan pengiraan hingga ke RM yang paling hampir).

(25 markah)

- (b) Kedai Sukan Wawasan Sdn Bhd melaporkan jumlah berikut dalam kunci kira-kira pada 31 Disember 2002, 2003 dan 2004.

	<u>2002</u>	<u>2003</u>	<u>2004</u>
Tunai & Akaun Belum Terima	96,000	101,000	74,000
Inventori	87,000	114,000	136,000
Harta Benda, Loji dan Peralatan, Bersih	56,000	51,000	63,000
Jumlah Aset	239,000	266,000	273,000

Syarikat sedang mengalami kekurangan tunai walaupun jualan dan keuntungan adalah tinggi.

Anda dikehendaki untuk :

- (i) Melakukan analisis menegak bagi aset Kedai Sukan Wawasan Sdn Bhd pada akhir tahun 2002, 2003 dan 2004.

(10 markah)

- (ii) Menggunakan analisis tersebut bagi menerangkan sebab berlakunya kekurangan tunai

(5 markah)

(Tunjukkan semua jalan kerja dan pengiraan hingga ke Ringgit yang paling hampir)

- S3 (a) Berikut adalah unit jualan Syarikat GemilangJaya pada tahun 2006:

Suku tahun 1	19,500
Suku tahun 2	18,900
Suku tahun 3	19,700
Suku tahun 4	20,100

Maklumat tambahan bagi membantu menyediakan bajet tahun 2007 adalah seperti berikut:

1. Unit jualan untuk tahun 2007 dijangka meningkat sebanyak 20%.
2. Harga jualan produk ditetapkan pada RM55 seunit.
3. Kos barang dijual ditetapkan pada kadar 70% daripada hasil jualan bulan semasa.

4. Polisi syarikat menetapkan bahawa inventori akhir dikekalkan pada 40% daripada kos barang dijual bagi suku tahun berikutnya. Pada harga RM60 seunit, dianggarkan jualan untuk suku pertama tahun 2007 adalah sebanyak 20,000 unit.
5. Inventori awal dijangka pada kadar 15% dari kos barang dijual yang dikenal pasti bagi setiap suku tahun dalam tahun 2006 dan suku pertama tahun 2007.

Anda dikehendaki untuk :

- (i) Menerangkan **lima** kelebihan penyediaan bajet. (5 markah)
 - (ii) Menyediakan Bajet Jualan untuk Syarikat GemilangJaya bagi tahun 2007 berdasarkan data dan maklumat di atas. (7 markah)
 - (iii) Menyediakan Bajet Belian untuk Syarikat Gemilang Jaya bagi tahun 2007. (13 markah)
- (b) Syarikat Lima Berhemat menggunakan sistem perakaunan pengkosan piawai dalam perniagaannya. Syarikat ini mengeluarkan 200000 pengadang bagi kapal kecil dalam satu tahun dengan menggunakan 1450000 meter vinil yang dibeli pada harga RM1.05 semeter. Pengeluaran memerlukan 4500 jam buruh langsung. Kos bagi satu jam buruh langsung ialah RM14.00. Piawai bahan ialah tujuh meter vinil untuk setiap pengadang pada kos piawai RM1.10 semeter. Piawai buruh ialah 0.025 jam buruh langsung bagi setiap pengadang pada kos piawai RM13.00 sejam.
- (i) Kira sisihan harga dan sisihan kecekapan untuk bahan langsung dan buruh langsung. (10 markah)
 - (ii) Jelaskan sama ada pola/corak yang didapati daripada sisihan itu menunjukkan bahawa pihak pengurusan Syarikat Lima Berhemat telah membuat penggantian (trade offs). (5 markah)